

Pelaksanaan RMK-9 dijamin pantas

um - 1/12/2006

KUALA LUMPUR 30 Nov. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Effendi Norwawi (**gambar**) memberi jaminan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) akan dilaksanakan secara pantas.


Bercakap di hadapan ahli-ahli Majlis Perdagangan Malaysia Australia (MABC) dan Majlis Perdagangan Australia Malaysia (AMBC) hari ini, beliau

berkata, separuh pertama tahun depan akan menyaksikan pelancaran projek secara lebih agresif.

"Sangat pantas. Banyak projek bersedia untuk dilaksanakan," katanya menjawab soalan seorang ahli perniagaan selepas membentangkan kertas kerja bertajuk *Malaysia-Australia: Peluang Perniagaan di bawah RMK-9* di sini hari ini.

Effendi berkata, kerajaan memberi jaminan pelaksanaan pantas projek-projek di bawah RMK-9 sebagaimana diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Ia mengambil sedikit masa selepas



pengumuman RMK-9 kerana orang mungkin lupa bahawa cadangannya perlu melalui kelulusan Parlimen terlebih dahulu," kata beliau.

Terdahulu, beliau berkata, kerajaan Malaysia sentiasa mengamalkan dasar propertniagaan dan bersedia mendengar maklum balas sektor swasta.

"Kami tidak mampu bersaing dengan negara

negara lain yang memberi insentif kewangan atau tanah percuma kerana kami mempunyai had yang perlu dipatuhi.

"Kami tahu apa yang mampu kami tawarkan. Ini termasuk kelebihan tenaga kerja mahir dan bertutur fasih bahasa Inggeris yang sesuai untuk pelabur Australia," katanya.

Beliau berkata, dagangan dua hala antara kedua-dua negara sejak tahun 2000 hingga bulan September lalu berjumlah AS\$32.9 bilion (RM119.76 bilion) atau kira-kira 2.4 peratus daripada jumlah keseluruhan dagangan Malaysia.